

1. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

a. Mak Cik Salha sukacita kerana anaknya lulus dalam pengajiannya tetapi dia _____ atas pemergian suaminya pada minggu lepas..

b. Ibu saya mengajar di sekolah tempatnya _____ dahulu.

c. "Tolong hembuskan nafas kamu, kemudian _____ udara secara perlahan-lahan," kata Doktor Lina.

d. Angin telah bertiup dari utara hingga ke _____.

e. Muka budak itu pucat kerana terlalu letih, setelah berehat secukupnya baharulah mukanya nampak _____.

2. Beri **KATA GANDA** bagi perkataan yang bergaris di bawah.

a. Mak Tijah tergopoh-_____ berlari ke dapur apabila tercium bau benda hangit.

b. Pusat membeli-belah menjadi tempat anak muda berjumpa kawan-_____nya.

c. Stadium menjadi hingar-_____ apabila penonton tidak puas hati cara pengadilan bola sepak malam itu.

d. Setelah disoal oleh guru disiplin, Mohamad Amin telah berterus-_____ sebab dia terlibat dalam pergaduhan itu.

e. Pekerja-_____ asing yang didapati melanggar undang-undang akan didenda.

3. Pilih **PERKATAAN BERIMBUHAN** yang dalam kurungan, kemudian tulis di tempat-tempat yang kosong dalam ayat-ayat di bawah.
- a. Lagu 60-an _____ semula oleh penyanyi-penyanyi baru.
(**dinyanyikan, menyanyikan, bernyanyi**)
 - b. Melisa dimint oleh Cikgu Jauyah untuk _____ hasil projek kumpulannya. (**sampaikan, menyampaikan, disampaikan**)
 - c. Kakak _____ bungkusan yang dihulurkan oleh posmen itu lalu meletakkannya di atas meja. (**diambil, terambil, mengambil**)
 - d. _____ teksi itu telah menghantar orang tua itu ke hospital.
(**dipandu, memandu, pemandu**)
 - e. Pada cuti hujung minggu bercadang untuk _____ wayang di pawagam. (**menonton, penonton, ditonton**)
 - f. Orang ramai memenuhi _____ Taman Omar 'Ali Saifuddin sejak pagi lagi. (**karangan, perkarangan, mengarang**)
 - g. Masita telah _____ tempat pertama dalam pertandingan menulis esei. (**mendapati, mendapatkan, mendapat**)
 - h. Emak sedang _____ pakaian di dalam bilik.
(**melipat, dilipat, melipatkan**)
 - i. Rubiah sentiasa _____ murung sejak ayahnya meninggal dunia. (**dilihat, kelihatan, melihat**)
 - j. Para penumpang tidak beratur ketika _____ bas.
(**dinaiki, menaikkan, menaiki**)

4. Tuliskan **PENJODOH BILANGAN** yang sesuai di tempat-tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

a. Kawan saya membeli dua _____ roti di kedai itu.



b. Dia terjumpa se_____ gambarnya sewaktu dia masih kecil.



c. Alina memakai se_____ stoking berbelang-belang.



d. Beberapa _____ kayu api masih menyala di unggun api itu.



e. Kakak memasukkan se_____ garam ke dalam gulai ayam itu.



5. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.
- a. Hari Jumaat merupakan hari besar (_____) bagi umat Islam.
 - b. Jenazah (_____) mangsa kemalangan feri karam itu telah dijumpai.
 - c. Penyanyi tahun 60-an itu masih mampu menyanyikan (_____) lagu-lagu mereka dengan merdu.
 - d. Kakak memelihara (_____) tiga ekor kucing siam.
 - e. Perangai (_____) budak itu sudah diperhatikan oleh pentadbir sekolah.
 - f. Emak sangat risau (_____) kerana adik belum pulang dari sekolah.
 - g. Milah memberikan baki (_____) barang yang tidak habis dijualnya kepada ibu.
 - h. Hang Tuah berkata, "Patik akan menjunjung segala titah (_____) tuanku."
 - i. Adik Hakim meniup dian (_____) semasa sambutan hari jadinya.
 - j. Para pekerja sedang sibuk mengatur sajian (_____) di atas meja sebelum para tetamu hadir.